



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (20)

Tarikh : 15 November 2014

SIARAN MEDIA

Pembinaan PPR Meningkatkan Tahap Kehidupan Rakyat di Kota Setar

ALOR SETAR , 15 NOVEMBER 2014 – Y.B. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) turun padang bagi memantau tapak projek pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Setar yang dijangka siap pada 23 April 2017.

2. Projek yang bernilai RM95 juta ini dijangka akan dapat membantu menyelesaikan masalah perumahan bagi 80 keluarga setinggan yang mendiami tanah ini sebelum projek ini dilaksanakan. Golongan ini akan diberi keutamaan untuk pengisian rumah ini berdasarkan syarat dan prosedur sedia ada.

3. Projek ini dijangka disiapkan dalam 36 bulan dibina atas tanah milik persendirian seluas 3.8531 ekar di mana 15,593 meter persegi melibatkan pembinaan dua blok rumah pangsa enam belas tingkat yang mengandungi 500 unit rumah; setiap unit bersaiz 700 kps dengan tiga bilik tidur; satu ruang tamu; satu ruang dapur dan dua bilik air, lima tingkat tempat letak kereta, dewan serbaguna, tadika, gerai dan kedai. Projek pembinaan ini dilaksanakan secara rundingan terus bersama syarikat Tulangis Maju Sdn. Bhd.

4. Pada masa ini, pihak kontraktor yang dilantik oleh KPKT sedang di dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar. PPR Kota Setar ini merupakan salah satu daripada projek yang telah diluluskan di dalam Bajet 2013.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my